

PM minta Brunei terima kad pintar

Daripada
LICHONG ANGKUI

BANDAR SERI BEGAWAN: Malaysia akan berusaha meyakinkan Kerajaan Brunei supaya menerima penggunaan kad pintar untuk urusan imigresen rakyat Malaysia di sempadan kedua-dua negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah itu bertujuan memudahkan perjalanan, selain mengelak pasport dicop sehingga lapan kali bagi perjalanan sehala dari Bandar Seri Begawan ke Sabah.

Perdana Menteri berkata, jika penggunaan kad pintar diterima, ia memberi kemudahan dan keselesaan kepada rakyat Malaysia yang berulang alik dari Brunei ke Sabah dan Sarawak.

"Tetapi ini tidak boleh dilakukan tanpa persetujuan Kerajaan Brunei dan kita akan berusaha melaksanakannya," katanya menjawab soalan pada soal jawab sempena jamuan tengah hari, di Pusat Konvensyen Antarabangsa (ICC), di sini semalam.

Beliau mengakui penggunaan pasport yang terpaksa dicop sehingga lapan kali bagi perjalanan sehala, adalah menyulitkan.

Sebelum itu, pada sidang akhbar di kediaman rasminya, Istana Darut Taqwa, Dr Mahathir berkata, jika kad pintar dapat digunakan dalam urusan keluar masuk di sempadan kedua-dua negara, maka jumlah kemasukan rakyat dapat dipertingkatkan.

"Ketika ini, kita masih menunggu persetujuan pihak kerajaan Brunei," katanya.

Dr Mahathir bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini kelmarin untuk lawatan kerja dua hari ke Brunei.

Mengenai pertemuan empat mata dengan Sultan Hassanah Bolkiah di Istana Nurul Iman malam semalam, Dr Mahathir berkata, Malaysia dan Brunei bersetuju mengatasi masalah berkaitan sempadan darat dan laut, selain terus meningkatkan kerjasama dua hala.

Katanya, pada perbincangan itu Sultan Brunei memberi jaminan akan meneliti perkara

berkenaan.

"Ini (masalah sempadan negara) sebenarnya perkara lama, tetapi kali ini nampak komitmen kedua-dua pihak untuk menyelesaikannya," katanya sambil menyifatkan hubungan Malaysia-Brunei amat baik dan tidak terjejas akibat masalah berkaitan persempadanan dua negara.

Perdana Menteri berkata, perbincangannya dengan Sultan Brunei juga menyentuh mengenai keadaan dunia sekarang dan bertukar-tukar idea bagaimana kedua-dua negara boleh bekerjasama menanganinya.

Selain itu, mereka membincang mengenai Asean dan Asean Campur 3 (Asean+3) serta perhubungan di kalangan negara anggota.

"Brunei komited kepada Asean+3, mereka menyokong kita sebagai sekretariatnya," katanya merujuk kepada tawaran Kuala Lumpur menjadi sekretariat Asean+3.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata Malaysia menangani masalah banjir pen-

datang tanpa izin (PTI) Filipina di Sabah secara adil dengan mengambil kira latar belakang mereka.

Katanya, memang ada kesulitan dalam proses penghantaran pulang kerana ada sesetengah PTI terbabit sudah tinggal melebihi 30 tahun di Sabah serta mempunyai anak yang bersekolah di negeri itu.

"Untuk orang ini, kita beri kelonggaran untuk terima mereka sebagai warga negara, tetapi yang datang kemudian dan tidak tinggal begitu lama di Sabah, kita akan pilih mereka dan hantar pulang.

"Tindakan kita ini juga dipersejajuti Kerajaan Filipina walaupun sesetengah PTI ini tidak mempunyai sebarang dokumen sah," katanya sambil mengakui ada sesetengah rakyat asing terbabit diberi pengiktirafan dan diberikan kad pengenalan Malaysia.

Beliau berkata PTI Filipina yang mempunyai kad pengenalan Malaysia akan ditapis apabila mereka membarui kad pengenalan berkenaan.